

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 03 MAC 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9

Jadi pemodal kepada syarikat pemula niaga bumiputera

Jadi pemodal kepada syarikat pemula niaga bumiputera

PUTRAJAYA - Golongan pertengahan bumiputera digesa agar mengubah peranan mereka daripada sebagai penambah nilai kepada pencipta nilai bagi membantu meningkatkan ekonomi negara, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Jelas beliau, pemerkasaan dan pengupayaan golongan bumiputera hanya akan berjaya sekiranya mereka berjaya memiliki serta menguasai ekonomi.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan usahawan bumiputera yang telah berjaya dalam perniagaan masing-masing untuk menjadi pemodal kepada syarikat pemula niaga milik bumiputera.

"Kelas pertengahan dan profesional bumiputera di negara ini amat besar. Ini boleh membuka ruang kepada mereka untuk menukar fungsi sebagai pemodal bagi syarikat pemula niaga," katanya semasa sesi Fireside Chat: Aspirasi Masa Hadapan Bumiputera sempena Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 di sini pada Sabtu.

Beliau juga menyarankan syarikat pemodal swasta untuk menanam modal dalam syarikat-syarikat pemula niaga bumiputera baharu yang ingin memulakan perniagaan.

Sementara itu, Rafizi berkata, sasaran

“

Jika kita lihat dari perspektif yang lebih luas, pencapaian bumiputera cukup mengagumkan.”

- Rafizi



30 peratus pemilikan ekuiti oleh bumiputera yang masih belum dicapai tidak menggambarkan pencapaian sebenar golongan tersebut.

"Jika kita lihat dari perspektif yang lebih luas, pencapaian bumiputera cukup mengagumkan.

"Bagaimanapun, ini tidak ditunjukkan dalam bahagian ekuiti kerana syarikat berkaitan kerajaan dikendalikan oleh bumiputera tetapi mereka tidak disenaraikan secara persendirian," katanya.

Pada September lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pemilikan ekuiti oleh bumiputera di negara ini masih belum mencapai sasaran 30 peratus yang ditetapkan selepas 50 tahun.

Sehubungan itu, Anwar berkata, kerajaan akan menilai semula pendekatan untuk mengukur tahap penyertaan dan kawalan ekonomi kumpulan itu supaya lebih bermakna. - *Bernama*